

Surat khabar: Berita Harian

Hari/Tarikh: 03/04/2012, Selasa

Muka Surat : 4

Tajuk : 32 graduan tamat program 'Uniconnect Technopreneuership'

32 graduan tamat program 'Uniconnect Technopreneuership'

Berita Harian 3/04/12 m/s:4

SAMARAHAN: Seramai 32 le-
pasan Universiti Malaysia Sa-
rawak (UNIMAS) menamatkan
program 'Uniconnect Technopre-
neuership' yang bertujuan melahir-
kan lebih ramai usahawan dalam
kalangan graduan.

Program enam bulan itu men-
sasarkan graduan UNIMAS yang
berminat dalam bidang perniagaan
yang dibimbing dalam aspek asas
keusahawanan, pemasaran serta
keuangan syarikat.

Penasihat program merangkap
Pensyarah Fakulti Ekonomi dan
Perniagaan, Mohd Abdullah Zaidel,
berkata program sedemikian patut
diadakan di setiap universiti tem-
patan bagi melahirkan lebih ramai
siswazah bergelar usahawan.

Katanya, program itu adalah ker-
jasama UNIMAS dan Kementerian Pe-
ngajian Tinggi (KPT) dalam usaha me-
lahirkan usahawan tekno disamping
mengurangkan kadar pengangguran
siswazah selepas tamat pengajian.

"Peluang terhad dalam pekerjaan
selepas tamat pengajian adalah se-
bab utama program ini diadakan
kerana kita tidak mahu siswazah
hanya berfikir untuk bekerja ma-
kan gaji. Seharusnya selepas tamat
pengajian, siswazah berfikir lebih
luas termasuk merebut peluang da-
lam perniagaan," katanya.

Abdullah berkata, modul diterap-
kan dalam program itu berjaya
membuka minda siswazah yang
berminat dalam bidang perniagaan
selain membantu mereka yang
mempunyai perniagaan sendiri.

"Sekiranya diberi peluang pada
masa akan datang, semua siswazah
termasuk dari institusi lain akan
dijemput menyertai program ini,"
katanya.

Seorang peserta, Siti Anisya Sai-
li, 23, berkata selepas menyertai
program berkenaan, semangatnya
untuk memulakan perniagaan se-
makin mendalam kerana modul
program sangat berguna.